

25 Hasil Kajian Dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa ICoGOIA



Kuantan, 10 Ogos- Fakulti Pengurusan Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini menganjurkan persidangan antarabangsa International Conference on Global Optimization and Its Applications (ICoGOIA) 2015 yang berlangsung di Dewan Tun Fatimah UMP.

Persidangan ini menyaksikan sebanyak 25 kertas kerja dibentangkan membabitkan topik berkaitan Kejuruteraan, Sains Matematik, Aplikasi Komputer, Penyelidikan Operasi dan Sains Pengurusan, Pengurusan Operasi dan Pengurusan Projek.



Menurut Dekan Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Dr.Mohd Ridzuan Darun berkata, UMP sebagai tuan rumah bersama dengan pihak UTHM bekerjasama dalam penganjuran ICoGOIA untuk kali yang keempat ini.

Katanya, persidangan ini merupakan platform terbaik dalam usaha mengumpulkan ahli akademik, penyelidik dan pengamal industri berkaitan untuk berkongsi idea serta kepakaran dalam pelbagai bidang.

"Program pada kali ini juga menjemput dua orang tokoh terkenal menyampaikan ucapan iaitu Dr Marco Tieman yang merupakan pengasas LBB International dari Netherlands yang sebagai agen perundingan dan firma penyelidikan khusus dalam rantai bekalan makanan dan logistik industry." Katanya.



Tambah beliau, turut menyampaikan ucapan selamat adalah Professor Dr Ismail Mohd yang kini merupakan Profesor di Jabatan Matematik, Sains dan Teknologi di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Hadir sama dalam program pengurusan persidangan Professor Dr Razman Mat Tahar. Turut serta dalam program adalah pensyarah dari UTHM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universitas Padjadjaran, Indonesia.

Berita disediakan Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 24-08-2015, 16:52:19